

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI DR. RICHARD RIOT ANAK JAEM
KAWASAN : SERIAN
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' SRI DR. RICHARD RIOT ANAK JAEM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Jalan Serian-Tebedu akan diperbesarkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Serian ke Tebedu, Sarawak yang dimaksudkan ialah Jalan Persekutuan (FR 21). Berdasarkan semakan stesen bancian dan isipadu trafik lalulintas terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (*Level of Service, LOS*) berada pada tahap LOS A. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk menaiktaraf jalan tersebut pada masa kini memandangkan aliran trafik masih lancar serta mampu ditampung oleh jalan sedia ada. Justeru, jalan ini tidak tersenarai di dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri Sarawak bagi permohonan yang dibuat di dalam Rolling Plan 4(2020), RMKe-11 yang lalu. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia menerima cadangan projek tersebut dari pihak Kerajaan Negeri untuk diangkat dalam Rancangan Malaysia yang akan datang sekiranya LOS bagi jalan ini memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf kelak.

Sekian, terima kasih.